



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

PEREKA GRAFIK GRED B5

1. **Kumpulan Perkhidmatan :** Pelaksana
2. **Taraf Jawatan :** Kontrak
3. **Jumlah Kekosongan :** 1
4. **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM160.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 300.00

6. **Syarat Lantikan**

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Warganegara Malaysia;

- ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
- iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
- iv) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,731.00); atau
- v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,812.00); atau
- vi) Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

7. Deskripsi Tugas:

- i) Bertanggungjawab mereka bentuk bahan promosi seperti poster, bunting, risalah, media sosial dan bahan digital bagi tujuan pemasaran serta memperkukuh imej pelancongan Melaka River Cruise.
- ii) Memastikan semua reka bentuk mematuhi identiti korporat organisasi, mengemaskini kandungan visual secara berkala serta bekerjasama dengan pasukan pemasaran untuk menghasilkan kempen yang kreatif dan berkesan.
- iii) Mengurus bahan visual sedia ada, melakukan suntingan gambar atau video asas serta melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa.

8. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.

9. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**

Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

10. **Peraturan Memohon**

a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.

b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat www.ppspm.gov.my

c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,
DATARAN PENGKALAN RAMA,
PENGKALAN RAMA PANTAI
75100 MELAKA
(Permohonan Jawatan)**

11. **Peraturan-Peraturan Lain**

a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan

b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.

c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak

